

30 OCT 1996

Tilawah-Astaka

ASTAKA TILAWAH AL-QURAN KE-39 BERBENTUK SENI BINA MELAYU PERAK

IPOH, 30 Okt (Bernama) -- Reka bentuk seni bina Melayu Perak yang dipilih sebagai reka bentuk astaka tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-39 yang akan berlangsung di Stadium Perak di sini mulai malam esok, melambangkan rumah kediaman keluarga Melayu Islam yang bahagia.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, pemilihan kali pertama astaka berbentuk rumah Melayu tradisional bagi menggantikan kubah pada masa lepas itu juga bertujuan memberi pendedahan seni bina Melayu Perak dalam reka bentuk bangunan di negara ini.

"Rumah Melayu Perak berbumbung lima mempunyai ciri-ciri unik termasuk ukiran pada bahagian tepi atap dan lantai juga berlandaskan ciri-ciri seni bina Islam," katanya kepada pemberita selepas ditemubual dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia terbitan RTM di sini hari ini.

Tilawah selama lima hari bertemakan "Budaya Murni Tonggak Kemajuan" itu akan disertai 30 peserta dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam esok.

Astaka yang bereka bentuk rumah Perak Bumbung Lima itu bertonggakkan insan bertakwa, mulia dan menuju kecemerlangan serta membawa pengertian lima Rukun Islam yang wajib dipercayai dan dihayati oleh umat Islam.

Enam tiang utama pula membawa pengertian enam rukun iman, tujuh tingkat bangunan melambangkan tujuh tingkat martabat nafsu manakala empat "tunjuk langit" (kayu di bahagian atap) membawa maksud sifat-sifat Rasulullah S.A.W. (Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatanah).

Ramli yang ditemui selepas melawat kerja pembinaan astaka itu berkata, 20 panel pagar membawa pengertian 20 sifat Allah sebagai tonggak utama akidah Islam.

Dua pintu gerbang pula bermaksud panduan hidup menuju kejayaan dan kecemerlangan mengikut Al-Quran dan Sunnah manakala pelan empat segi bumbung utama bermaksud syariat Islam yang syumul merangkumi hukum ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat.

Kedudukan semitrikal melambangkan masyarakat yang mengamalkan budaya murni, bersopan santun dan berakhlak mulia berteraskan Al-Quran dan Sunnah.

Menurut Ramli, kesimpulannya ciri-ciri reka bentuk terhadap budaya murni tonggak kemajuan yang menjadi tema tilawah itu adalah berdasarkan insan bertakwa yang bermula dengan lafaz dua kalimah syahadat.

Beliau berkata, perjalanan hidup insan ditonjolkan semasa perasmian astaka melalui pergerakan cahaya dari peringkat bawah (aras bumi) hingga ke tingkat paling atas apabila segala kemajuan akan dicapai dengan penuh kecemerlangan.

Menurutnya, astaka yang direka bentuk oleh Arkitek Jabatan Kerja Raya (JKR) Behrang, Encik Samsuddin Mohamad itu akan dipindahkan ke Kompleks Sejarah Pasir Salak sebagai bahan pameran selepas tilawah itu.

Katanya sempena tilawah itu juga, Ekspo Al-Quran akan diadakan di Stadium Indera Mulia yang mempamerkan antara lain Al-Quran tulisan tangan, pedang, ukiran kayu, seni khat dan klinik bacaan Al-Quran.

Seminar Al-Quran selama dua hari mulai Jumaat ini akan turut diadakan.

Ramli berkata, Kerajaan Negeri menyediakan 150 buah bas untuk memudahkan umat Islam dari daerah-daerah lain ke Bandaraya Ipoh bagi memeriahkan majlis itu. -- BERNAMA

LAT NHD